

SIARAN SEGERA

KITAR3CYCLE TARIK MINAT WARGAKERJA & AHLI KELAB d'TEMPAT COUNTRY CLUB

SEREMBAN, 06 FEBRUARI 2020 – SWM Environment Sdn. Bhd (SWM Environment) terus menggiatkan kerjasama strategik dengan pelbagai organisasi dalam pelaksanaan program amalan kitar semula. Terkini, SWM Environment menjalin usahasama bersama d'Tempat Country Club (d'Tempat), Bandar Sri Sendayan bagi pelaksanaan program KITAR3CYCLE yang melibatkan kakitangan dan ahli kelabnya.

“Sehingga kini, seramai 50 kakitangan d'Tempat berdaftar di bawah Program KITAR3CYCLE dan jumlah tersebut akan semakin meningkat dengan sesi taklimat dan juga kaunter penerangan dan pendaftaran yang dijalankan dari semasa ke semasa,” kata Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan, Dr. Al'Ashari Bin Haji Othman.

Katanya lagi, dalam pada itu, SWM Environment dan d'Tempat juga akan mengatur program susulan bersama ahli-ahli kelab d'Tempat bagi pelaksanaan program KITAR3cycle dan ahli kelab pada masa terdekat ini.

Ini bertepatan dengan kempen “Go Green’ d'Tempat bagi mengekalkan kelestarian alam persekitaran dengan memupuk amalan dan membudayakan kitar semula dalam kalangan kakitangan mereka sejak pembukaan kelab tersebut di Bandar Sri Sendayan.

Melalui usahasama ini juga, pihak SWM Environment mengharapkan d'Tempat boleh menjadi contoh teladan yang baik dan galakan kepada komuniti setempat di kawasan perbandaran Bandar Sri Sendayan yang meliputi sejumlah 22 buah taman perumahan dan hampir 20,000 penduduk dan ahli-ahli kelab untuk bersama-sama menyertai program KITAR3CYCLE SWM Environment. Program KITAR3CYCLE ini akan dijadikan sebagai salah satu aktiviti ahli-ahli kelab di samping aktiviti riadah lain yang disediakan di d'Tempat.

Bagi menyemarakkan lagi program KITAR3CYCLE ini, pihak SWM Environment mengalu-alukan penglibatan taman-taman perumahan, badan-badan kerajaan, swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk bersama-sama terlibat dalam program KITAR3CYCLE yang bermanfaat kepada semua. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung inisiatif KITAR3CYCLE boleh disalurkan kepada pihak SWM Environment melalui Talian WhatsApp di 012 618 0082

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) telah dilantik pada tahun 1997 di bawah perjanjian konsesi di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

SWM Environment mempunyai tenaga kerja seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.98 juta orang bagi liputan geografi 27,400 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara aktif memberi sokongan padu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjaran, KITAR3CYCLE di tiga negeri Selatan Semenanjung Malaysia. KITAR3CYCLE menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian atau jaringan dompet elektronik (*e-wallet*) Boost untuk berbelanja dengan pedagang yang tersedia di bawah sistem elektronik pembayaran (*e-payment*). Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE dari *Google Play* atau *Apple Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat,

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)

(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168

(Faks) 06 – 601 4279